

Yadim lancar Misi Sayang Semporna

► Bantu mangsa kebakaran di Kg Air Semporna

43 3.8.2018 137
KOTA KINABALU: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) Zon Sabah telah melancarkan Program Konvoi Khidmat Komuniti - Misi Sayang Semporna di Hotel Tabung Haji, pada Rabu.

Pengarahnya Samin Ongki berkata, misi itu sebagai bukti inisiatif untuk menyatakan ingatan dan kasih sayang kepada mangsa kebakaran kebakaran di Kampung Air, Semporna.

"Kebakaran itu difahamkan telah memusnahkan lebih daripada 300 rumah dan lebih 2,000 orang telah kehilangan tempat tinggal.

"Jadi, kami mahu menjadikan misi ini satu jambatan atau kemudahan bagi masyarakat pantai barat Sabah untuk menyampaikan sumbangan kepada penduduk



SAMIN

Semporna yang agak jauh," jelasnya.

Menurutnya, sebanyak 10 masjid di sekitar bandaraya ini telah ditetapkan untuk dijadikan pusat pengumpulan sumbangan antaranya Masjid RTM Sabah, Masjid UMS, Masjid Jamek Pekan



SUMBANGAN bernilai RM5,000 dan RM3,000 yang diterima oleh Samin daripada MBKK dan Yadim sendiri.

Manggatal, Masjid Bandaraya Kota Kinabalu (MBKK) dan Masjid Daerah Putatan.

Lima masjid lagi yang turut terpilih ialah Masjid Al-Fattah IPD Penampang, Masjid Nurul Islam IPK Kepayan, Masjid Al-Kauthar Tanjung Aru, Masjid Jamek Kampung Sembulan dan Masjid Nurul Iman, Taman Pantai Lok Kawi.

Selain itu, tiga Pusat Pengumpulan Sumbangan juga disediakan di Pejabat Yadim Zon Sabah, Pejabat

JHEINS KK dan Kauter Hotel Tabung Haji.

Mengulas lanjut, Samin berkata semua sumbangan itu akan dibawa secara berkonvoi sebanyak 10 kenderaan pada pagi Sabtu ini dan mendapat kerjasama padu daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Kami akan bergerak seawal jam 7 pagi dari Masjid Bandaraya dan dijangka tiba di Pusat Penempatan Sementara mangsa kebakaran

di Semporna pada sebelah malam.

"Kami akan sampaikan terus semua sumbangan pada malam itu juga bersama Pegawai Daerah Semporna selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Daerah Semporna," katanya.

Tambahnya, mereka menyasarkan akan membawa wang tunai sebanyak RM30,000 dan bahan sumbangan bernilai tidak kurang daripada RM20,000.

"Sukacita dimaklumkan, misi ini telah menerima sumbangan pertama daripada MBKK sebanyak RM5,000 sementara Yadim sendiri sebanyak RM3,000.

"Baki untuk mencapai sasaran RM30,000 perlu dicapai dalam tempoh dua hari ini termasuk sumbangan daripada jemaah masjid pada Jumaat ini.

"Mengikut pengalaman yang lepas, kami boleh mencapai sasaran terutama sekali berupa barangan

keperluan harian untuk mangsa.

"Sebelum ini, kami juga pernah lakukan misi seperti ini di luar negara seperti ke Aceh, Kemboja dan Rohingya," katanya.

Turut hadir, Pengerusi Masjid Bandaraya KK Datuk Ab Jamal Tun Sakaran, Pengurus TH Hotel Nassarudin Naina Mohamed, wakil PDRM Supt Mohamed Hashim Kamarudin dan wakil ATM Mohd Ariff Abdullah Suhaimi.